



SIARAN MEDIA

Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] Pindaan 2025

KUALA LUMPUR (17 Februari 2025), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan membentangkan Rang-Undang-Undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 di Parlimen Malaysia pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas. (Minggu Pertama Bulan Mac).

Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] merupakan suatu akta untuk membuat peruntukan yang perlu bagi JBPM berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk melindungi nyawa dan harta daripada risiko kebakaran, kecemasan dan tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengannya.

Fokus utama pada pindaan kali ini adalah bagi mengatasi isu dan cabaran berkaitan pengurusan dan pengawalseliaan perkara berikut:

- i. Pasukan Bomba Sukarela (PBS);
- ii. Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran;
- iii. Orang Kompeten dan Kontraktor Keselamatan Kebakaran;
- iv. Kelengkapan Menentang Kebakaran atau Pepasangan Keselamatan Kebakaran;
- v. Penyedia Latihan dan Pengajar; dan
- vi. Pasukan Bomba Persendirian.

Pindaan terhadap Akta 341 adalah penting bagi membolehkan JBPM terus berkembang sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam usaha merakyatkan perkhidmatan kebombaian dan memastikan keselamatan rakyat serta kelestarian negara melalui pendekatan perlindungan nyawa dan harta daripada risiko kebakaran dan kecemasan.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
17 FEBRUARI 2025

